

17/02/1999

MCA mahu Dr Mahathir terus pimpin negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir perlu diteruskan bukan saja untuk pembangunan rakyat dan negara, malah untuk rantau ini dan dunia.

Menurutnya, Dr Mahathir perlu terus kekal sebagai Perdana Menteri selagi masih sihat dan kuat mental untuk meneruskan tugas-tugasnya.

"Saya selalu berkata apabila anda menemui seorang pemimpin yang baik, berwibawa, penyayang dan baik hati, anda mesti melindungi, mengekal dan menggalakkannya. Dalam kata lain anda mesti memberi beliau sokongan penuh.

"Jadi dengan itu, beliau akan terus memimpin bukan saja untuk faedah rakyat dan negara, bahkan untuk faedah rantau dan dunia.

"Dan saya fikir Dr Mahathir adalah satu daripada pemimpin berkenaan, pintar, berpandangan jauh, baik hati dan penyayang.

"Kita patut membenarkan beliau berkhidmat selagi kesihatan dan fikirannya membenarkan beliau berbuat demikian," katanya di rumah terbuka MCA sempena Tahun Baru Cina, hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut hadir di rumah terbuka berkenaan. Antara kenamaan lain yang hadir ialah Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, Naib Presidennya, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Ong Ka Ting dan Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Dr Ling ditanya pemberita mengenai pendirian MCA mengenai kepemimpinan Dr Mahathir.

Sebelum ini beberapa pihak termasuk pelajar Malaysia di luar negara menimbulkan pertanyaan sama ada Dr Mahathir perlu terus kekal sebagai Perdana Menteri jika Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika menjawab soalan yang diajukan pelajar Malaysia di London kelmarin, menjelaskan Dr Mahathir harus terus memimpin negara kerana pengalamannya dan beliau sudah memimpin negara dengan baik sejak 17 tahun lalu.

Syed Hamid turut menolak dakwaan kemungkinan Dr Mahathir akan berundur dan kemudiannya dilantik menjadi menteri kanan seperti Lee Kuan Yew, di Singapura.

Turut menyuarakan pandangan yang sama ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek yang menegaskan, Dr Mahathir membuktikan kewibawaannya.

"Kita perlu Perdana Menteri untuk terus memimpin negara ini dan kami berdoa supaya terus sihat untuk memimpin negara ini melangkah ke alaf baru," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Ling melahirkan keyakinan rakyat akan terus memilih BN dalam pilihan raya akan datang.

Menurutnya, kerajaan BN telah membuktikan kemampuan sebagai pemerintah yang baik, dengan membawa begitu banyak kemajuan kepada negara ini.

"Saya yakin rakyat sedar bahawa dengan memilih kerajaan BN mereka akan memilih kestabilan, perpaduan dan kemajuan. Dan dalam suasana dan kemajuan yang dicapai sekarang, saya yakin rakyat akan terus memilih kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Mengenai MCA, Dr Ling berkata, parti itu akan mengadakan pemilihan peringkat majlis tertingginya pada Perhimpunan Agung Julai ini.

(END)